

Headline	Tubuh Tabung Umrah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 Jan 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	4	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	210 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,151
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,452



Angkasa sediakan perkhidmatan kepada umat Islam

# Tubuh Tabung Umrah

Oleh **ABD. AZIZ ITAR**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 14 JAN.**

**F**OKUS Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) pada tahun ini adalah menubuhkan Tabung Umrah bagi menyediakan perkhidmatan kepada umat Islam mengerjakan ibadah umrah.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, usaha penubuhan Tabung Umrah itu akan direalisasikan melalui kerjasama Bank Rakyat dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Menurutnya, penubuhan Tabung Umrah itu kelak diharap dapat menggalakkan umat Islam menabung dalam tabung seperti Tabung Haji selain mengelakkan mereka ditipu oleh agensi-agensinya swasta yang menawarkan perkhidmatan tersebut.

"Tahun ini sahaja hampir 500,000 rakyat kita menunaikan umrah di Mekah. Bayangkan kalau kos menunaikan umrah seorang sebanyak kira-kira RM6,000 maka berapakah jumlahnya kalau dikali dengan 500,000 orang?"

"Sebab itu kita mahu Angkasa mengambil inisiatif menubuhkan

Tabung Umrah dan menjadi fokus utama pada tahun 2016 agar penubuhan tabung ini dapat direalisasikan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Perutusan Tahun Baharu 2016 Menteri Bersama Para Pemimpin Koperasi Malaysia di Auditorium Wisma Ungku Aziz di Kelana Jaya dekat sini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Alias Ahmad dan Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah.

Dalam perkembangan lain, beliau turut menyeru tujuh juta ahli koperasi di seluruh negara agar bersatu dalam mengawal harga barang terutama dalam sektor peruncitan agar lebih stabil.

"Lebih 50 peratus ahli koperasi adalah pengguna. Mereka juga

terbabit dalam sektor peruncitan dengan mendapat barang pada harga yang tidak tinggi apabila ia dijual kepada pengguna. Golongan ini boleh membantu sektor perun-

citan supaya harga barang stabil.

"Contohnya di koperasi sekolah, mereka boleh berbincang dengan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) bagi menjual beras pada harga runcit kepada ibu bapa," ujarnya.

Sementara itu, Abdul Fattah berkata, Angkasa berhasrat untuk mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) dengan menasaskan lima koperasi tempatan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Ketika ini kita baru ada dua koperasi yang telah mendapat pengiktirafan di peringkat global dan salah satunya adalah Bank Rakyat. Kita akan berusaha mencari lagi tiga koperasi," katanya.



**Penubuhan Tabung Umrah itu kelak diharap dapat menggalakkan umat Islam menabung dalam tabung seperti Tabung Haji."**

**HAMZAH ZAINUDIN**  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi dan Kenenggunaan

